

Sanusi: Petualang masih cari peluang

Isu perlembagaan tidak perlu ditimbulkan lagi

IPOH, Ahad. — Rakyat negeri ini tak perlu membangkit-bangkitkan lagi isu pindaan perlembagaan, kerana ia telah diselesaikan oleh pucuk pimpinan, kata Pengerusi Jawatankuasa Biro Penerangan Umno, Datuk Haji Sanusi Junid.

Katanya, siapa yang menjadi hero juga tak perlu diketahui, kerana rakyat yang cintakan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan mengetahui siapa sebenarnya yang menjadi wira.

Bellau yang juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, menjelaskan hanya petualang yang berusaha menghancurkan perpaduan Umno.

Datuk Haji Sanusi Junid menyatakan demikian dalam majlis penerangan Umno Bahagian Hilir Perak, di sini petang semalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ujian penting

Bagaimanapun, beliau yakin ahli-ahli Umno sekarang sukar dijual-beli, kerana mereka mempunyai pemikiran yang matang untuk menilai sesuatu isu yang dihadapinya.

Bellau berkata, isu pindaan perlembagaan adalah satu ujian yang penting bagi ahli-ahli Umno masa kini, kerana ujian seperti ini berlaku setiap 12 tahun yang memerlukan setiap pemimpin dan ahli Umno bersikap waras dan matang.

Apa yang penting tambah beliau, ialah setiap bahagian dan cawangan Umno dapat mengadakan penerangan kepada ahli-ahli mengenai sesuatu isu yang besar supaya setiap ahli dapat memahaminya dengan lebih jelas lagi.

Tegasnya, penerangan yang jujur amat diperlukan untuk mengelakkan ahli-ahli parti dari terperangkap dengan usaha-usaha petualang yang sedang berusaha untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat.